



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

Kempen Beli Buatan Malaysia pendekatan ideal

Prinsip makmurkan perdagangan, beri hasil kepada semua kaum

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menegaskan kempen Beli Buatan Malaysia menjadi pendekatan paling ideal dalam memakmurkan perdagangan yang mampu memberi hasil kepada semua kaum.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata menerusi kempen itu, kerajaan mengutamakan prinsip amalan perdagangan yang mampu memberi hasil terbaik kepada rakyat.

"Prinsip Kementerian kepada amalan perdagangan yang sentiasa diutamakan adalah perniagaan atau perdagangan mestilah hadir



Atas asas ini, Kementerian menerajui kempen Beli Buatan Malaysia. Kempen ini adalah satu pendekatan ideal dalam konteks perdagangan negara kita yang mana jika berjaya, semua kaum akan dapat menikmati hasilnya

Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

dalam iklim persaingan yang sihat sama ada perniagaan atau perkhidmatan supaya pengguna akan mendapat hasil terbaik.

"Atas asas ini, Kementerian menerajui kempen Beli Buatan Malaysia. Kempen ini adalah satu pendekatan ideal dalam konteks perdagangan negara kita yang mana jika berjaya, semua kaum akan dapat menikmati hasilnya," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-UMNO-Bera) mengenai pendirian Kementerian terhadap kempen 'Buy Muslim First'.

Menjawab soalan asal Ismail Sabri mengenai tahap kesedaran pengguna, Saifuddin menjelaskan pihaknya menerima lebih 20,000 aduan setiap tahun membabitkan hak pengguna.

"Jumlah ini membuktikan ra-

kyat semakin sedar untuk menggunakan hak mereka sebagai pengguna dengan menyuarakan sebarang salah laku oleh peniaga kepada Kementerian.

"Selain itu, bagi melahirkan pengguna yang bijak, Kementerian memberi tumpuan kepada pendidikan kepenggunaan yang lebih interaktif kepada generasi muda khususnya pelajar sekolah dan mahasiswa di universiti," katanya.

Shopee lancar Festival Jenama 10.10

Platform e-dagang, Shopee mengambil langkah menetapkan tempoh Festival Jenama 10.10 serentak dengan kempen Beli Barangan Malaysia dalam usaha melonjakkan perdagangan dalam negeri.

Kempen Beli Barangan Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini adalah usaha diterajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwel Pengguna untuk menggalakkan pembelian produk buatan Malaysia di samping membantu usahawan tempatan mengembangkan perniagaan mereka.

Dalam kenyataan semalam, Pengarah Urusan Wilayah Shopee, Ian Ho, berkata pihaknya memutuskan supaya Festival Je-

nama 10.10 Shopee diadakan serentak dengan kempen Beli Barangan Malaysia.

Beliau berkata, ini memandangkan ia juga tempoh bagi jualan akhir tahunnya bermula dengan pelbagai potongan, tawaran dan promosi yang benar-benar menarik sekali gus akan membantu rakyat Malaysia berjimat.

“Seiring dengan acara beli-belah mega yang akan datang ini seperti kempen 11.11 dan 12.12 pada peringkat global, penjual barangan buatan Malaysia akan meraih manfaat daripada peningkatan trafik dan aktiviti membeli-belah sepanjang tempoh terabit,” katanya.

Shopee juga berkata mulai semalam hingga hari ini, acara be-

li-belah itu akan menyediakan kaedah komprehensif untuk perniagaan meningkatkan keterlibatan dengan pengguna selain hubungan erat dengan pelanggan menerusi ciri-ciri gamifikasi, seperti ‘Mission: Shopee’, ‘Voucher Together-Gether’, ‘Shopee Catch’ dan ‘Shopee Quiz’ serta iklan jenama dalam aplikasi.

Shopee turut menawarkan penghantaran percuma untuk rakyat Malaysia dengan pembelian minimum RM10.

Sejak awal tahun ini, Shopee meningkatkan usahanya selaras dengan inisiatif kerajaan bagi menjayakan pelbagai agenda nasional untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia.

“Antara usaha utama ialah Ha-

ri Beli-Belah Super 9.9 yang baru sahaja berakhir untuk membantu mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup di Malaysia, dengan kempen itu menawarkan pelbagai pendekatan untuk rakyat Malaysia terus membeli-belah dan mengisi semula keperluan tanpa menjejaskan kewangan mereka,” katanya.

Platform beli-belah dalam talian itu berkata, ia juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan E-Dagang Sarawak untuk membawa beberapa usaha kepada penjual di negeri itu, termasuk bengkel percuma yang bertujuan membimbing mereka mengenai perniagaan e-dagang dan pengetahuan pemasaran. BERNAMA

Beri peluang kerajaan bukti keberkesanan PSP

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu diberi peluang menunjukkan keberkesanan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) bagi membantu kumpulan sasaran kalangan berpendapatan 40 peratus terendah (B40), kata pakar ekonomi, Prof Dr Barjoyai Bardai.

Beliau berkata, masyarakat perlu sedar bahawa pemberian subsidi itu bukan bagi menampung keseluruhan perbelanjaan petrol bulanan kumpulan sasaran, tetapi bantuan untuk meringankan beban kos pengangkutan bulanan mereka.

"Ini hanyalah subsidi bertujuan mengurangkan kira-kira 10 peratus daripada kos minyak yang diperlukan mereka setiap bulan selain juga projek perintis kerajaan untuk melihat keberkesanan kaedah bagi membantu penerima Bantuan Sara Hidup (BSH).

"Sepatutnya kerajaan diberi peluang menunjukkan prestasi mereka dan pada masa sama melakukan perubahan dari semasa ke semasa untuk memastikan program ini menepati keperluan kumpulan sasaran," katanya ketika dihubungi *BH* semalam.

Bagaimanapun, Barjoyai berkata, pemberian subsidi petrol itu masih tidak menyeluruh kerana ada kumpulan sasaran yang ke-



Pelaksanaan PSP membantu kumpulan sasaran kalangan B40.

[Foto hiasan]

tinggalan dan penjimatan di pihak kerajaan pula adalah tinggi.

"Kalau berdasarkan bajet kerajaan yang lalu, peruntukan subsidi petrol RM3 bilion, tetapi berdasarkan anggaran bagi pelaksanaan PSP hanya RM720 juta akan dibelanjakan dan ini menunjukkan penjimatan di pihak kerajaan sebanyak RM2.2 bilion," katanya.

Timbalan Dekan Pengajian Siswazah dan Jaringan Industri & Masyarakat Fakulti Ekologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli

Sabri, turut berpendapat kerajaan perlu memastikan masyarakat faham bahawa PSP bukan program pemberian petrol percuma, sebaliknya subsidi bagi mengurangkan beban kos pengangkutan kumpulan sasaran.

"Kefahaman ini yang perlu diperjelaskan kepada rakyat supaya mereka tidak keliru dengan tujuan dan sasaran sebenar kerajaan memberikan subsidi berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pemberian dalam bentuk tunai ke da-

lam akaun bank penerima perlu difikirkan semula bagi memastikan subsidi berkenaan benar-benar dimanfaatkan untuk pembelian petrol.

"Mungkin pemberian dalam bentuk kad atau kupon lebih sesuai sebagai kaedah terbaik untuk memastikan agihan berkenaan menepati matlamat pemberiannya.

"Kaedah itu juga dapat memastikan subsidi diberikan dimanfaatkan sepenuhnya kumpulan sasaran berkenaan," katanya.



Ini hanyalah subsidi bertujuan mengurangkan kira-kira 10 peratus daripada kos minyak yang diperlukan mereka setiap bulan selain juga projek perintis kerajaan untuk melihat keberkesanan kaedah bagi membantu penerima BSH.

Barjoyai Bardai,
Pakar ekonomi



Muhammad Zikril (dua dari kanan) semasa melupuskan kasut jenama tiruan di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP Nilai semalam.

Kasut jenama tiruan bernilai RM103,600 dilupus

NILAI - Sebanyak 10,260 pasang kasut jenama tiruan bernilai RM103,600 dilupuskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kajang, Selangor di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP dekat sini semalam.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pelupusan itu merupakan rampasan pada tahun 2017 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

"Rampasan yang dilakukan dekat sebuah gudang di Taman Putrijaya Batu 9 Cheras itu merupakan antara kejayaan terbesar dan kita percaya dapat melumpuhkan kegiatan penjualan kasut tiruan di kawasan Kajang dan Lembah Klang.

"Ini merupakan pelupusan kali keempat bagi cawangan Kajang pada tahun ini bagi kes selesai dan menerima arahan daripada pihak mahkamah serta pegawai perihal dagangan," katanya pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP Nilai dekat sini semalam.

Muhammad Zikril berkata, dari Januari sehingga September lalu, pihaknya telah melakukan pelupusan sebanyak 40 kes.